# JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA

**PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN PERTAMA**
**JURUTEKNIK**

## *SENIBINA*

KOD : C034

SUBJEK : LUKISAN

TARIKH : 19 OGOS 1992

MASA : 9.00 PAGI - 12.00 TENGAH HARI
2.00 PETANG - 5.00 PETANG

: 20 OGOS 1992
9.00 PAGI - 11.00 PAGI

SILA ISIKAN ANGKA GILIRAN DI SINI

**TIDAK DIBENARKAN MEMBAWA KELUAR KERTAS SOALAN SEHINGGA PEPERIKSAAN TAMAT SEPENUHNYA.**

UNIT PEPERIKSAAN,
CAWANGAN PENGURUSAN,
IBU PEJABAT JKR,
JALAN SULTAN SALAHUDDIN,
50582 KUALA LUMPUR

PERKARA : C034 - LUKISAN

ARAHAN KEPADA CALON-CALON

a) *Jawab <u>semua</u> bahagian soalan.*

b) *Soalan ini perlu dijawab berdasarkan lukisan-lukisan lakar bagi cadangan sebuah bangunan Pusat Kegiatan Masyarakat yang dikembarkan. Pastikan anda mendapat* ***dua (2)*** *lampiran lukisan tersebut.*

c) *Secara am, butiran pembinaan bangunan tersebut adalah seperti berikut:-*

| | | |
|---|---|---|
| *Asas* | - | *Asas pad* |
| *Tiang dan Alang* | - | *Konkrit Bertetulang* |
| *Dinding* | - | *115 mm batu-bata dengan lepaan simen atau jubin gilap di ruang yang mudah kotor.* |
| *Bumbung* | - | *Kerangka kayu dengan kepingan keluli bergelugur.* |
| *Tingkap* | - | *Kesmen berangka kayu gantung tepi dan jejaring (weldmesh) di paras tinggi.* |
| *Siling* | - | *Kepingan kalsium silikat.* |
| *Lantai* | - | *Konkrit bertetulang dengan kemasan terazo, lepa simen, mozek atau jubin seramik sejenis (homogeneous) di mana sesuai.* |

d) *Perkara-perkara lain mengenai binaan bangunan atau ukuran yang tidak dinyatakan adalah terpulang kepada budibicara calon-calon berpandukan amalan pembinaan yang biasa.*

e) *Semua lukisan hendaklah disediakan dengan mengguna pen-pen teknikal dengan mata-mata yang sesuai.*

SOALAN

1. Sediakan lukisan-lukisan kerja di dalam skala 1:100 [kecuali (iv)] dengan nota-nota spesifikasi yang lengkap bagi perkara-perkara berikut:-

   i. Pelan lantai

   *(30 markah)*

   ii. Tampak hadapan

   *(5 markah)*

   iii. Tampak sisi kanan

   *(5 markah)*

   iv. Keratan A-A (skala 1:50)

   *(25 markah)*

2. Dengan menggunakan skala yang sesuai, lukiskan perincian yang lengkap dengan pelan tampak dan keratan bagi tingkap kesmen dan liang udara jejaring (weldmesh) yang anda gunakan.

   *(20 markah)*

3. Sediakan lukisan skema pemasangan sistem pembersihan.

   *(15 markah)*

PERHATIAN

Pemberian markah adalah berdasarkan kepada perkara-perkara berikut:-

1. Pengetahuan tentang binaan bangunan dan kebolehan membuat pertimbangan ke atas penggunaan bahan binaan yang sesuai.
2. Kelengkapan lukisan.
3. Susunatur lukisan dan penghurufan.
4. Kebersihan lukisan.
5. Pengetahuan dalam amalan-amalan yang lazim dalam penyediaan lukisan.
6. Format lukisan hendaklah mengikut saiz A1.

# LAMPIRAN 1


PELAN
1000 6000 1500 3000 3000 3000 3000 3000 1500 6000 1000
3000 3000
A
B
WOKSYOP
STOR
BILIK SUMBER
PEJABAT
PERPUSTAKAAN
LALUAN
DEWAN
BILIK DARJAH
Pintu lipat
Tiang
ANJUNG
1500
3000
1000
Garis Bumbung
Longkang
1000 3000 1000
DAPOR
Para konkrit
TANDAS LELAKI
TANDAS WANITA
TANDAS KANAK-KANAK
TADIKA
LURANG
1000 3000 3000 3000 5000 1000

LAMPIRAN 2




TAMPAK HADAPAN



TAMPAK SISI KANAN




KERATAN A-A